

Irfan antara 50 pelajar pertama dipilih masuk ke Kolej PERMATA Insan, USIM

Oleh Mohd Amin Jall
am@hmetro.com.my
Nilai

"Saya teruja menjadi antara pelajar pertama belajar di kolej ini biarpun mendapat tawaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Perak," kata Irfan Ezani Suhaimi, 13, yang terpilih melanjutkan pelajaran di Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, semalam.

Dia yang berasal dari Nusajaya, Johor antara 50 pelajar pertama membabitkan 30 lelaki dan 20 perempuan dari seluruh negara yang ditemui ketika mendaftar di kolej berkenaan untuk pengajian peringkat menengah asas.

Irfan Ezani yang juga bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Perling, Johor berkata, dia memilih untuk belajar di kolej itu kerana inginkan cabaran yang lebih berbanding di kolej atau sekolah berasrama penuh lain.

"Saya sendiri membuat pilihan untuk belajar di sini kerana lebih yakin dengan kurikulumnya yang mengutamakan keseimbangan antara duniawi dan ukhrawi.

"Bukan mudah untuk mendapat tempat di kolej ini kerana saya perlu memenuhi syarat ditetapkan termasuk boleh menghafaz dua juzuk ayat al-Quran selain lulus tiga fasa ujian kecerdasan minda selain



DR Musa beramah mesra bersama pelajar sesi pertama Kolej PERMATA Insan. Irfan (dua dari kanan).

Teruja jadi perintis

mendapat 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Saya gembira dan akan belajar ber-sungguh-sungguh sepanjang berada di sini," katanya yang bercita-cita menjadi arkitek.

Bapanya, Suhaimi Abdul Rahim, 38, berkata, anak sulung daripada lima beradik itu sudah menunjukkan ke-

"Saya sendiri buat pilihan belajar di sini kerana lebih yakin dengan kurikulum utama keseimbangan duniawi dan ukhrawi"

Irfan Ezani

mengenai pembelajaran di sini dan saya yakin dengan kemampuan

boleh dalam pelajaran seawal usia lapan tahun, malah dia lulus dalam setiap ujian ditetapkan pihak pengurusan Kolej PERMATA Insan untuk layak belajar di situ.

"Ibu bapa pelajar juga sudah diberikan taklimat oleh pihak pengurusan terbabit mengenai pembelajaran di sini dan

program ini untuk setiap pelajar melakar kejayaan," katanya.

Majlis pendaftaran itu turut dihadiri Naib Canselor USIM Profesor Datuk Dr Musa Ahmad, Pengarah Pusat PERMATA Insan Prof Datuk Dr Mizan Adiliah dan Timbalan Naib Canselor USIM Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.

Sementara itu, Dr Musa berkata, sebahagian besar pelajar terbabit adalah mereka yang mengikuti program PERMATA Insan dilancarkan oleh penaung Program PERMATA Negara yang juga isteri Per-

dana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada 12 Mac 2010 di universiti itu.

"USIM diberikan amanah untuk melaksanakan program peringkat menengah ini yang menjadi sebahagian usaha memperluaskan lagi bidang pendidikan," katanya.

"Pelajar akan mengikuti kurikulum khas PERMATA Insan yang mengandungi empat komponen penting iaitu Modul Pintar al-Quran dan al-Sunnah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insaniah," katanya.